

Bajet Berorientasikan Rakyat

Apa itu Bajet?

Bajet adalah satu pelan pengurusan pendapatan dan belanjawan anda. Bajet memerlukan anda untuk mempertimbangkan apa yang penting untuk anda dan keluarga. Semua ahli keluarga patut terlibat dalam proses membuat bajet supaya ia mencapai matlamat yang diinginkan. Bajet berguna untuk individu dan keluarga, begitu juga untuk perniagaan dan kerajaan.

Bajet kerajaan menentukan tahap dan jenis belanjawan yang dirancang oleh kerajaan serta cara-cara untuk menampung belanjawan tersebut. Pada umumnya proses bajet dalam kerajaan ada empat peringkat:

- ▶ Perumusan bajet – cadangan peruntukan kewangan untuk sesuatu program/projek.
- ▶ Pengesahan bajet – pembentangan kepada jawatankuasa tertentu untuk meluluskan cadangan bajet.
- ▶ Pelaksanaan bajet – peruntukan bajet disalurkan ke jabatan untuk program yang dirancang.
- ▶ Pengauditan bajet – audit belanjawan dan penilaian prestasi.

Mengapa bajet kerajaan perlu responsif gender dan partisipatori?

Bajet memberi impak berlainan kepada wanita dan kanak-kanak perempuan, lelaki dan kanak-kanak lelaki. Ini adalah kerana keperluan setiap kategori kumpulan masyarakat adalah berbeza. Ianya bergantung kepada latar belakang mereka seperti jantina, umur, tempat tinggal, pendapatan, pekerjaan, status perkahwinan, pendidikan termasuk kebolehan. Faktor-faktor tersebut mempunyai impak dalam jenis perkhidmatan dan infrastruktur yang disediakan oleh kerajaan untuk rakyat.

Sebagai contoh, wanita atau lelaki yang memilih bekerja dari rumah supaya dapat menjaga keluarganya memerlukan perkhidmatan dan infrastruktur asas yang berbeza berbanding wanita / lelaki yang bekerja di pejabat. Bajet responsif gender adalah bajet yang peka terhadap keperluan dan kepentingan kumpulan-kumpulan orang berlainan dalam komuniti.

Jadi bagaimana kerajaan boleh menjadi responsif kepada keperluan, pandangan dan nilai-nilai rakyat? Jawapannya ialah melalui proses penyertaan rakyat iaitu wanita dan lelaki menjadi rakan kongsi dalam pembuatan keputusan belanjawan dana awam. Melalui penglibatan komuniti, kerajaan mendapat input berharga untuk merancang bajet yang berkesan untuk kepentingan kumpulan berlainan dalam komuniti.



GRPB di Pulau Pinang

Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB) telah dimulakan pada tahun 2012 oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang, satu organisasi yang dibiayai Kerajaan Negeri, melalui usahasama pintar dengan kerajaan tempatan Pulau Pinang – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) and Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Inisiatif GRPB – Model Pulau Pinang merupakan satu pendekatan berorientasikan rakyat yang menghubungkan kerajaan dan rakyat untuk mendapatkan hasil yang efektif dan menyeluruh. Proses ini memastikan keterlibatan kumpulan-kumpulan berlainan dalam komuniti dengan latarbelakang berbeza dari segi jantina, umur, etnik, OKU dan lain-lain. Penglibatan dibuat melalui pelbagai kaedah seperti soal selidik / soal selidik isi rumah, kumpulan tumpu bincang, undi keperluan dan dialog.

Inisiatif GRPB di Pulau Pinang berfokus kepada projek perumahan dan kemudahan awam di bawah MBPP dan MPSP. Projek-projek itu termasuklah PPR Jalan Sungai, PPR Ampangan, Kampung Sungai Chenaam, Machang Bubuk, Pasar Lebu Campbell, Projek Turnkey Sungai Pinang, Projek-projek Sungai MBPP, Taman Tunku di Seberang Jaya dan Taman Kejiranan Kenari di Sungai Ara.

Bagaimana untuk mengambil bahagian dalam proses bajet?

Akses rakyat kepada perkhidmatan yang disediakan dan sumber yang ditentukan adalah melalui bagaimana bajet dirumuskan. Oleh itu, penglibatan komuniti dalam perundingan yang dianjurkan oleh kerajaan (tempatan) adalah sangat penting.

Anda boleh mengambil bahagian dalam kesemua empat fasa proses bajet iaitu:

- Fasa 1** Perumusan Bajet: Anda boleh menyertai soal selidik bajet dan dialog bajet. Tempoh masanya: setengah tahun pertama, Januari – Jun setiap tahun.
- Fasa 2** Pengesahan Bajet: Sebelum bajet diluluskan, anda dan kumpulan anda boleh memberi maklumbalas kepada Ahli Parliamen (MP), ADUN, ahli majlis dan pemimpin komuniti di kawasan anda, untuk mereka mencadangkan program/projek yang memberi manfaat kepada komuniti anda. Tempoh masanya: Julai – November setiap tahun.
- Fasa 3** Pelaksanaan: Anda boleh menyertai aktiviti komuniti anjuran kerajaan (tempatan) dalam pelaksanaan program/projek yang ditetapkan dengan memberikan idea dan maklum balas. Tempoh masa: bergantung kepada pelaksanaan program / projek tersebut.
- Fasa 4** Penilaian: Anda boleh menghantar surat maklum balas kepada MP dan ADUN anda, ahli majlis dan pemimpin komuniti atau menulis kepada jabatan kerajaan (tempatan) mengenai program/projek yang telah dijalankan. Tempoh masa: bila-bila masa yang sesuai.

Anda juga boleh meminta ADUN anda, ahli majlis atau pemimpin komuniti untuk menggunakan pendekatan Projek Penyertaan Rakyat (PPR) iaitu GRPB-Model Pulau Pinang di tempat anda supaya peruntukan dana awam anda digunakan sebaiknya mengikut keperluan-keperluan komuniti di tempat anda. Ataupun, pemimpin anda boleh membentangkan usul program / projek dalam dialog bajet (tempatan).



**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: Kerajaan Negeri Pulau Pinang +{604} – 262 1957
MBPP +{604} – 259 2020 • MPSP +{604} – 549 7555 • PWDC +{604} – 261 2835**